



**DR. 12 TAHUN 2022
DEWAN RAKYAT PARLIMEN KEEMPAT BELAS**



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN
JABATAN PERDANA MENTERI, KEMENTERIAN DALAM
NEGERI DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG
AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN ZON MARITIM
MALAYSIA**



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Pengerusi**
2. YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
5. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
6. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
7. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
8. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
11. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
12. YB. Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
13. YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
14. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin **- Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat**

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN
JABATAN PERDANA MENTERI, KEMENTERIAN DALAM NEGERI
DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN ZON MARITIM MALAYSIA	1 - 6
2	TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN ZON MARITIM MALAYSIA (DR. 18/2021)	7 - 39
3	LAPORAN PROSIDING	-

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG AKTIVITI KAWALAN
KESELAMATAN ZON MARITIM
MALAYSIA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
JABATAN PERDANA MENTERI, KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG**

**AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN
ZON MARITIM MALAYSIA**

1 LATAR BELAKANG

1.1 Pada 8 Disember 2021, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR. 18/2021) berhubung Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia (ZMM) di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN)/ Kementerian Dalam Negeri (KDN)/ Kementerian Pertahanan (MINDEF)/

Kementerian Kewangan (MOF)/ Kementerian Luar Negeri (KLN)/
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI)/ Kementerian
Pengangkutan (MOT) di Dewan Rakyat.

1.2 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan lima (5) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOF dan agensi Kerajaan yang terlibat iaitu:

- i. Kerajaan hendaklah menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi tujuan penaiktarafan aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM. Keutamaan harus diberikan kepada penyediaan SWASLA di kawasan-kawasan tumpuan.
- ii. Kerajaan hendaklah menyediakan Pelan Induk Strategik Keselamatan Maritim Malaysia berdasarkan DKN, Kertas Putih Pertahanan dan dasar-dasar lain yang berkaitan.
- iii. NMSPOC haruslah direalisasikan dengan segera supaya maklumat antara kementerian dan agensi Kerajaan dapat diselaraskan dan aktiviti keselamatan serta penguatkuasaan dapat dijalankan dengan koordinasi dan pemantauan yang baik.
- iv. Penyesuaian sasaran aktiviti pemeriksaan oleh DOF boleh dilaksanakan selagi ia tidak mengkompromikan matlamat penguatkuasaan undang-undang. Penggunaan teknologi terkini seperti dron untuk mengoptimumkan aktiviti pemeriksaan haruslah dilaksanakan.

- v. DOF perlu memastikan kelestarian sumber maritim terutama di Zon A untuk memastikan kelangsungan sekuriti makanan negara.
- 1.3 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b), tindakan susulan perlu diambil MOF, JPM, KDN dan MAFI selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 1.4 Pada 16 Februari 2022, MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Terhadap Syor-syor Laporan PAC Berhubung Aktiviti Kawalan Keselamatan Dan Penguatkuasaan ZMM kepada PAC secara bertulis melalui surat MOF.BKSK(R) 600-7/1/5 (1).
- 1.5 MOF telah mengatur dua (2) sesi Lawatan Verifikasi bagi Laporan Tindakan Susulan Terhadap Syor-syor Laporan PAC Berhubung Aktiviti Kawalan Keselamatan Dan Penguatkuasaan ZMM iaitu di *Abu Bakar Maritime Base (ABMB)*, Maritim Negeri Johor pada 11 Mac 2022 dan di Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan (DOF) di Putrajaya dan Perak pada 18 hingga 20 Mei 2022.
- 1.6 Lawatan berkenaan bertujuan memastikan syor-syor yang dikemukakan PAC diambil tindakan.
- 1.7 Pada 8 Jun 2022, MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal Terhadap Syor-syor Laporan PAC Berhubung Aktiviti Kawalan Keselamatan Dan Penguatkuasaan ZMM kepada PAC secara bertulis melalui surat MOF.BKSK(R) 600-7/1/5 Jld. 6 (11).

1.8 Sehubungan dengan itu, melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Arahan Perbendaharaan 304 (b) dan Seksyen III (11) (b) Pekeliling Am 1982, PAC Parlimen telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOF ke Atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan ZMM pada 9 Jun 2022.

1.9 Kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil Pegawai Pengawal terhadap syor-syor Laporan PAC Parlimen (DR. 18/2021) diringkaskan seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	8 Disember 2021/ 10:00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	4 Januari 2022	Surat PAC Parlimen rujukan PAR/PAC.3/25/15/3 (15) berserta Laporan PAC Parlimen (DR. 18/2021) dan syor-syornya dikemukakan kepada MOF
3.	16 Februari 2022	Laporan Tindakan Susulan Interim telah dikemukakan oleh MOF
4.	11 Mac 2022	Sesi 1 Lawatan Verifikasi Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal di ABMB, Maritim Negeri Johor
5.	18 hingga 20 Mei 2022	Sesi 2 Lawatan Verifikasi Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal di Bahagian Perlindungan Sumber, Jabatan Perikanan (DOF) di Putrajaya dan Perak
6.	8 Jun 2022	Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal telah dikemukakan oleh MOF
7.	9 Jun 2022/ 10.00 pagi	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOF ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR. 18/2021 Saksi: Kementerian Kewangan (MOF) i. YBhg. Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)] ii. Encik Sakeri bin Abdul Kadir [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
		<p>Jabatan Perdana Menteri (JPM) i. YBhg. Datuk Muhammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]</p> <p>Majlis Keselamatan Negara (MKN) i. Encik Zamri bin Misman [Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara (Keselamatan Strategik) Majlis Keselamatan Negara]</p> <p>Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) i. Dato' Haslina bt Abdul Hamid [Ketua Setiausaha] ii. Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman [Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia]</p> <p>Kementerian Dalam Negeri (KDN) i. YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz [Ketua Setiausaha]</p> <p>Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) i. Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som [Ketua Pengarah]</p>

2 LAWATAN VERIFIKASI TINDAKAN SUSULAN PEGAWAI

2.1 Sebanyak dua (2) sesi Lawatan Verifikasi Laporan Tindakan Pegawai Pengawal ke atas Syor PAC bagi Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan ZMM telah dilaksanakan seperti berikut:

i) Sesi 1

Tarikh : 11 Mac 2022

Tempat: *Abu Bakar Maritime Base (ABMB)*, Maritim Negeri Johor

ii) Sesi 2

Tarikh : 18 hingga 20 Mei 2022

Tempat: a) Bilik Pemantauan Vesel, Bahagian Perlindungan Sumber, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan (DOF), Putrajaya; dan

b) Pangkalan Perlindungan Sumber Kampung Aceh,
Sitiawan, Perak.

2.2 Lawatan telah dianjurkan oleh pihak MOF bersama-sama dengan agensi-agensi iaitu APMM di bawah KDN dan DOF di bawah MAFI, telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari agensi-agensi berkenaan dan turut dihadiri pihak Sekretariat PAC. Lawatan verifikasi tersebut telah memfokuskan kepada kemampuan aset-aset kawalan keselamatan ZMM di ABMB dan pemantauan aktiviti perikanan di Zon A di Sitiawan, Perak.

3 PENDAHULUAN

3.1 ZMM telah dibentuk melalui peta baharu Malaysia yang diterbitkan pada 21 Disember 1979 dan terdiri daripada perairan pedalaman, laut wilayah, zon ekonomi eksklusif (ZEE), pelantar benua, perairan perikanan serta ruang udara di atas zon-zon tersebut.

3.2 Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan ZMM pula terdiri daripada empat (4) peringkat utama iaitu penggubalan dasar, kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM, kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di pintu keluar/ masuk laut yang diwartakan serta rundingan diplomatik.

TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
DR. 18/2021

4 TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

4.1. Syor 1: Kerajaan hendaklah menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi tujuan penaiktarafan aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM. Keutamaan harus diberikan kepada penyediaan SWASLA di kawasan-kawasan tumpuan.

Maklum Balas KDN

4.1.1 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merupakan agensi yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang persekutuan serta melaksanakan operasi mencari dan menyelamat di Zon Maritim Malaysia (ZMM) sejak tahun 2005. Dalam usia penubuhan yang telah menjangkau 17 tahun, banyak perkara yang perlu diberikan perhatian terutamanya dalam menaiktaraf dan memperkasa aset yang dimiliki oleh APMM sejajar dengan peranannya dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan di ZMM.

4.1.2 Antara kekangan utama yang dihadapi oleh APMM ialah kebanyakan aset telah berusia dan usang, jaringan komunikasi di laut yang terbatas, kawasan operasi yang luas serta peralatan sokongan operasi yang terhad. Kesemua kekangan ini akan menjejaskan perancangan APMM dalam menyelesaikan isu-isu strategik yang timbul terutamanya kemasukan kapal penguatkuasa asing, pencerobohan bot nelayan asing serta aktiviti jenayah rentas sempadan seperti kemasukan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan (migran, barang terlarang dan barang kawalan).

4.1.3 Sehubungan itu, bagi mengatasi isu-isu strategik yang dihadapi oleh APMM tersebut dan selaras dengan Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia (PPSMM) 2040, penumpuan diberikan kepada pembangunan dan pemantapan keupayaan aset bagi memperkasakan maritim Malaysia menerusi strategi seperti berikut:

- a. Mengukuhkan Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA);
- b. Memantapkan kemampuan kapal;
- c. Meningkatkan keupayaan aset pesawat udara;
- d. Mengukuhkan keupayaan aset carilamat dan bantuan bencana maritim; dan
- e. Memantapkan Sistem Telekomunikasi *Malaysia Coast Guard Net* (MCGNET).

4.1.4 Mengukuhkan Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA)

- a. Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA) adalah satu sistem yang diwujudkan bagi pengawasan keselamatan ke atas perairan maritim. SWASLA melaksanakan pengawasan dengan mengesan, menganalisis dan menyalur aktiviti maritim melalui *Malaysian Sea Surveillance System* (MSSS). SWASLA memainkan peranan penting di dalam membantu APMM menguatkuasa dan mengawal keselamatan di ZMM.
- b. Pada masa kini, operasi SWASLA adalah merangkumi kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia (11 buah radar) serta di kawasan Pantai Barat Sabah (3 buah radar).

- c. Bagi tujuan memperluaskan kawasan pemantauan SWASLA ke Pantai Timur Semenanjung dan Sarawak, APMM telah mengemukakan permohonan perolehan SWASLA bagi Pantai Timur Semenanjung dan Sarawak melalui *Rolling Plan* Pertama (RP1) dan *Rolling Plan* Kedua (RP2), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi Tahun 2021 dan 2022, namun permohonan tersebut tidak diluluskan. APMM juga telah mengemukakan semula permohonan perolehan ini di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3), RMKe-12 bagi Tahun 2023 dengan kos sebanyak RM350 juta.
- d. Dalam masa menunggu kelulusan permohonan perolehan SWASLA daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM), pihak APMM juga telah mengatur gerak aset sedia ada lain seperti kapal, bot dan pesawat udara untuk membuat pemantauan berkala di kawasan yang menghadapi masalah litupan SWASLA.
- e. Selain itu, bagi mengatasi isu litupan SWASLA di Pantai Timur Sabah, Pembangunan Projek SWASLA Sabah Fasa 2 di *Area Control Centre* (ACC) Sandakan dan *Remote Sensor Site* (RSS) Malawali, Sabah telah diluluskan pelaksanaannya di bawah RP2, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2017 sebanyak RM35 juta. Namun begitu, permohonan peningkatan kos projek telah diangkat ke UPE, JPM berdasarkan keputusan Makmal Pengurusan Nilai (VM Lab) yang menjadikan kos keseluruhan terkini adalah sebanyak RM43.815 juta.

- f. Meskipun projek ini telah diluluskan di bawah RP2, RMKe-11 Tahun 2017, pelaksanaannya telah tertangguh sehingga kini disebabkan oleh faktor-faktor berikut:
- i. Pertukaran agensi kawal selia ESSCOM pada tahun 2018 daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Kementerian Dalam Negeri (KDN);
 - ii. Bayaran pampasan kehilangan kekal hutan, pampasan pokok dan sewaan tanah bagi tapak melibatkan pembinaan RSS Malawali kepada Jabatan Perhutanan Sabah (selesai pada Julai 2021); dan
 - iii. Peningkatan kos projek yang ketara melibatkan sistem (peralatan dan perisian) disebabkan terdapat beberapa skop yang tidak dimasukkan atau dibincangkan dalam VM Lab yang diadakan pada 19 – 21 September 2018 serta pertukaran mata wang asing yang menaikkan kos pengangkutan kerana peralatan sistem adalah diimport daripada Perancis.
- g. Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana telah mengemukakan *Preliminary Detailed Abstract* (PDA) yang terkini dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM53,392,960.00. KDN telah mengemukakan permohonan peningkatan kos projek kepada UPE, JPM melalui surat bertarikh 20 Mei 2022 di mana tambahan kos projek yang diperlukan akan ditampung menggunakan penjimatan kos projek KDN yang lain.
- h. Dalam hal yang sama, bagi mengukuhkan dan memantapkan pengoperasian SWASLA sedia ada di Pantai Barat Sabah, APMM

telah mengemukakan permohonan Naik Taraf dan Pembaikan *Remote Sensor Site* (RSS) di Pulau Gaya dan Pulau Balambangan, Sabah di bawah RP3, RMKe-12 bagi Tahun 2023 dengan kos sebanyak RM36.1 juta.

- i. APMM turut merancang untuk melaksanakan kerja menaik taraf SWASLA setiap lima (5) tahun sekali, selaras dengan kepesatan perkembangan teknologi semasa. Bagi tujuan ini, projek Naik Taraf SWASLA telah diluluskan pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2020 dengan kos sebanyak RM131.73 juta.
- j. Kerja-kerja menaik taraf SWASLA ini sedang berjalan di 14 lokasi di Semenanjung Malaysia dan empat (4) lokasi di Sabah. Tempoh akhir kontrak bagi projek ini adalah pada 31 Januari 2023.

4.1.5 Memantapkan kemampuan kapal

- a. Berdasarkan PPSMM 2040, APMM disasarkan untuk memiliki 116 kapal bagi memenuhi keperluan operasi dalam memastikan perairan negara lebih terkawal dan sejahtera. Sehubungan itu, bagi merealisasikan hasrat tersebut, APMM melaksanakan pelan penggantian dan perolehan baru kapal untuk menggantikan kapal yang telah usang dan berusia. Pada masa ini, APMM memiliki 76 buah kapal di mana hampir 60% kapal tersebut telah berusia melebihi 20 tahun. Sebanyak 43 buah telah memasuki usia 30 tahun ke atas

dan kurang ekonomik untuk beroperasi kerana akan meningkatkan kos senggaraan kapal.

- b. Menyedari akan keperluan APMM bagi mendapatkan perolehan baru kapal, beberapa projek perolehan kapal telah diluluskan seperti berikut:
- i. Perolehan enam (6) buah kapal *New Generation Patrol Craft* (NGPC) yang diluluskan di bawah Rolling Plan Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Tahun 2015 dengan kos sebanyak RM385 juta yang telah selesai dilaksanakan dengan penerimaan kapal terakhir, KM Lahad Datu pada Tahun 2021;
 - ii. Perolehan tiga (3) buah kapal *Offshore Patrol Vessel* (OPV) yang telah diluluskan di bawah RP2, RMKe-11 Tahun 2017 dengan kos sebanyak RM740 juta dan masih di peringkat pembinaan; dan
 - iii. Perolehan sebuah *Multi-Purpose Mission Ship* (MPMS) yang telah diluluskan di bawah RP1, RMKe12 Tahun 2021 dengan kos sebanyak RM280 juta melibatkan perolehan sebuah (1) buah kapal MPMS. Status semasa perolehan MPMS ini adalah di peringkat semakin spesifikasi.
- c. Dalam hal yang sama, bagi memastikan bilangan kekuatan aset adalah berlandaskan kepada PPSMM 2040 dan memenuhi keperluan operasi, APMM telah mengemukakan permohonan tambahan perolehan baru dua (2) buah kapal MPMS dengan kos sebanyak RM700 juta dan tambahan perolehan baru enam (6) buah kapal *New*

Generation Patrol Vessel (NGPV) dengan kos sebanyak RM420 juta di bawah RP3, RMKe-12 Tahun 2023.

- d. Selain itu, memandangkan hampir 60% kapal APMM telah memasuki usia lebih daripada 20 tahun, ianya akan memberi implikasi kepada kos senggaraan APMM kerana peralatan yang telah usang dan tidak ekonomik untuk digunakan perlu digantikan bagi memastikan kesiagaan aset berada dalam keadaan baik. Oleh yang demikian, aset APMM ini perlulah disenggara secara berterusan bagi memastikan aset-aset tersebut dapat digerakkan, berfungsi dan sentiasa berada dalam kesiagaan yang tinggi semasa melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang dan carilamat.
- e. Sehubungan itu, APMM telah mengemukakan permohonan peruntukan senggaraan secara berkala sejak tahun 2005 dalam mengekalkan kesiagaan aset pada tahap yang terbaik bagi memastikan aset ini dapat digerakkan mengikut keperluan operasi. Bagi tahun 2022, peruntukan bagi kerja-kerja baik pulih serta penyelenggaraan kapal dan bot APMM telah diluluskan sebanyak RM165 juta di bawah Belanja Pembangunan, RP2, RMKe-12 Tahun 2022. Manakala bagi tahun 2023, APMM telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Belanja Pembangunan sebanyak RM796 juta dan Belanja Mengurus sebanyak RM260 juta bagi maksud yang sama.

4.1.6 Meningkatkan Keupayaan Aset Pesawat Udara

- a. Pesawat udara APMM memainkan peranan yang amat penting dalam penguatkuasaan undang-undang dan carilamat di ZMM bagi memastikan keselamatan perairan negara terpelihara melalui rondaan dan pemantauan secara berterusan. Pesawat udara APMM juga terlibat secara langsung dalam operasi mencari dan menyelamatkan di kawasan maritim dalam negara.
- b. Selaras dengan PPSMM 2040 dan bagi meningkatkan keupayaan aset pesawat udara, APMM merancang untuk melaksanakan perolehan aset udara sebanyak 27 buah iaitu 15 buah helikopter dan 12 buah sayap kaku (*fixed wing*). Pertambahan pesawat udara adalah perlu dan penting bagi menampung operasi di Sabah dan Sarawak.
- c. Sehubungan itu, bagi meningkatkan keupayaan dan kesiagaan aset udara, APMM telah mengemukakan permohonan perolehan empat (4) buah pesawat udara jenis helikopter *Medium Lift* yang telah diluluskan di bawah RP4, RMKe-11 Tahun 2020 sebanyak RM600 juta. Status semasa projek ini ialah di peringkat perolehan tender. Selain itu, APMM juga telah mengemukakan permohonan bagi memperolehi dua (2) buah pesawat udara jenis *Maritime Surveillance Aircraft (MSA)* di bawah RP3, RMKe-12 Tahun 2023 dengan kos sebanyak RM700 juta.

4.1.7 Memantapkan Keupayaan Aset Carilamat dan Bantuan Bencana Maritim

- a. Agensi Penguatkuasaan Maritim Maritim Malaysia 2004 (Akta 633) yang telah diwartakan pada 1 Julai 2004 mentakrifkan bahawa antara fungsi APMM adalah melaksanakan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan (CARILAMAT) di laut. Tugas dan peranan selaku Agensi Peneraju (*Lead Agency*) operasi CARILAMAT di laut juga telah dipertanggungjawabkan kepada APMM melalui Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 dan Arahan Kementerian Pengangkutan Malaysia (KP/BM/JL/0.310 Jld.4934) bertarikh 25 Ogos 2008.
- b. Sehubungan itu, bagi memantapkan peranan APMM sebagai agensi peneraju bagi bencana maritim Negara, APMM telah mengemukakan permohonan perolehan untuk mendapatkan tujuh (7) buah kenderaan Pangkalan Hadapan Carilamat (PHC) di bawah RP3, RMKe-12 Tahun 2023 dengan kos sebanyak RM5.25 juta.
- c. Ini memandangkan kenderaan milik APMM sedia ada di Maritim Negeri/ Zon Maritim yang digunakan sekarang tidak dilengkapi dengan sistem radio komunikasi di dalam kenderaan tersebut. Oleh yang demikian, Tim PHC akan menggunakan Government Integrated Radio Network (GIRN) dan telefon bimbit untuk berkomunikasi dengan *Maritim Rescue Sub Centre* (MRSC) dan Bilik Operasi (PUSOP). Keadaan ini menyukarkan Tim PHC untuk berkomunikasi dengan

efektif terutamanya apabila berada di kawasan yang tiada jaringan komunikasi yang baik.

4.1.8 Memantapkan Sistem Telekomunikasi *Malaysia Coast Guard Net* (MCGNET)

- a. Sistem komunikasi merupakan aset sokongan utama yang penting semasa berada di laut yang berfungsi dalam menerima dan menyalurkan maklumat antara aset di laut dengan Pusat Operasi Maritim (POMAR) dan Pusat Operasi di Maritim Negeri/ Zon Maritim.
- b. Peralatan komunikasi sedia ada di APMM adalah jenis analog yang bergantung kepada antena di lokasi tertentu bagi capaian litupan dan tidak boleh menghantar data seperti gambar, video, dokumen, data sensor atau emel. Peralatan jenis ini terhad bagi komunikasi dua hala secara suara (*voice communication*) sahaja.
- c. Dalam hal ini, kebanyakan isu strategik di sempadan maritim seperti pencerobohan kapal penguatkuasa dan bot nelayan negara asing di dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) berlaku jauh dari pesisir pantai iaitu sehingga 200 batu nautika. Dengan kekangan sistem komunikasi APMM sedia ada sekarang, agak sukar aset yang beroperasi di laut untuk memaklumkan sebarang kejadian tidak diingini yang memerlukan keputusan dan arahan lanjut dalam masa yang singkat daripada pihak pengurusan tertinggi APMM. Dengan limitasi komunikasi yang terhad, aset APMM seperti kapal dan bot terpaksa berpatah balik ke pesisir pantai yang berhampiran untuk mendapatkan

litupan komunikasi dan ini menyebabkan penyampaian maklumat menjadi lewat dan kurang efektif.

- d. Dalam hal yang sama, peralatan komunikasi jarak jauh sedia ada APMM juga tidak boleh dibaiki dan tidak lagi disokong oleh pembekal atau *Original Equipment Manufacturer* (OEM) kerana telah usang (*obsolete*) dan tidak ekonomikal untuk dibaiki. Oleh yang demikian, APMM telah mengemukakan permohonan di bawah RP2, RMKe-12 Tahun 2022 bagi penggantian Radio HF Digital APMM seluruh Malaysia namun permohonan tersebut tidak diluluskan. Memandangkan sistem komunikasi ini merupakan keperluan mendesak bagi pengoperasian, APMM sekali lagi telah mengemukakan permohonan perolehan sistem telekomunikasi MCGNET di bawah RP3, RMKe-12 Tahun 2023 dengan kos sebanyak RM70 juta.

4.1.9 Kementerian Dalam Negeri melalui APMM sentiasa komited untuk memastikan keselamatan ZMM dikawal dengan berkesan. Ini dapat dilihat melalui usaha Kementerian dan APMM untuk mendapatkan peruntukan kewangan bagi tujuan penaiktarafan aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM termasuk pembangunan SWASLA.

4.1.10 Kerajaan menerusi Agensi Pusat terutamanya MOF dan UPE, JPM juga sentiasa menyokong komitmen KDN dan APMM dengan menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya. Namun begitu, peruntukan tersebut masih kurang mencukupi bagi tujuan

perolehan baru dan penaiktarafan aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan. Sehubungan itu, komitmen berterusan Agensi Pusat dalam menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi adalah imperatif bagi memastikan keperluan menaik taraf aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM termasuk pembangunan SWASLA sentiasa diberi perhatian demi keselamatan maritim negara.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum maklumbalas diberikan KDN dan APMM. PAC menegaskan supaya KDN melalui APMM dapat melaksanakan strategi yang dirancang dengan lebih agresif bagi memastikan keberkesanan tugas-tugas pengawasan perairan negara walaupun menghadapi kekangan tertentu.

PAC juga sekali lagi menekankan supaya Kerajaan melalui EPU dapat mengutamakan peruntukan yang diperlukan untuk hal-hal berkaitan pengawasan dan keselamatan perairan negara seperti pewujudan serta penaiktarafan SWASLA, dan pembelian serta penyenggaraan aset-aset sedia ada. Ia juga penting bagi menjamin sekuriti makanan negara dan mengelakkan kehilangan hasil laut dan sumber makanan negara yang begitu lumayan.

4.2 Syor 2: Kerajaan hendaklah menyediakan Pelan Induk Strategik Keselamatan Maritim Malaysia berdasarkan DKN, Kertas Putih Pertahanan dan dasar-dasar lain yang berkaitan.

Maklum Balas MKN, JPM

4.2.1 MKN, JPM mengambil maklum mengenai syor yang dikemukakan oleh PAC Parlimen berhubung keperluan menyediakan Pelan Induk Strategik Keselamatan Maritim Malaysia (Pelan). Dalam hal ini, MKN, JPM menyokong syor PAC Parlimen untuk mewujudkan Pelan tersebut kerana ia mendukung Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021-2025. DKN 2021-2025 merupakan dasar induk yang memayungi dasar-dasar lain negara terutamanya yang melibatkan pengurusan keselamatan dan kedaulatan negara. Pewujudan Pelan ini dilihat selaras dengan Nilai Teras Keselamatan Negara yang pertama iaitu Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah, dan juga Strategi Memelihara Teras Negara yang kedua iaitu Memelihara Kedaulatan Wilayah.

4.2.2 MKN, JPM juga telah melaksanakan perbincangan di peringkat dalaman dan berpandangan bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dan perlu diambil kira dalam penyediaan Pelan tersebut. Dalam hubungan ini, MKN, JPM juga berpandangan bahawa satu pendekatan menyeluruh perlu diadakan untuk membangunkan Pelan ini bagi memastikan ia adalah selari dengan dasar-dasar yang lain merentas Kementerian/Agensi seperti Kertas Putih Pertahanan 2019, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019, Kerangka Dasar Luar Negeri, serta dasar dan strategi lain yang akan digubal

kelak. Selain itu, Pelan ini juga perlu dirangka dengan merujuk kepada akta/perundangan domestik dan antarabangsa serta perjanjian/konvensyen antarabangsa yang berkaitan. Ini bagi memastikan Pelan yang dirangka adalah sejajar dengan dasar/perundangan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

4.2.3 Seterusnya, penyediaan Pelan ini juga perlu mengambil kira isu pengurusan maritim negara yang luas serta bersifat *cross-cutting* merangkumi isu keselamatan, kedaulatan, *land-sea nexus*, alam sekitar marin, ekonomi dan keselamatan pelayaran, serta cabaran-cabaran masa kini yang merangkumi perubahan teknologi, ancaman keselamatan geopolitik dan perubahan iklim. Dalam hal ini, MKN, JPM berpandangan bahawa satu kefahaman yang jelas mengenai keseluruhan ekosistem maritim perlu diperolehi agar kerangka Pelan yang akan dibentuk ini adalah bersifat komprehensif, berstruktur dan jelas. Perkara ini boleh dicapai melalui pewujudan sinergi di antara kesemua pemegang taruh dengan pendekatan yang holistik dan sistematik (*Whole-of-Government and Whole-of-Society Approach*) seperti pelaksanaan siri perbincangan/libat urus agensi kerajaan yang bukan sahaja melibatkan kementerian dan agensi-agensi penguatkuasaan maritim sahaja, malahan turut melibatkan Kerajaan Negeri yang berkaitan. Tambahan lagi, perbincangan/libat urus ini perlu melibatkan pemegang taruh yang mempunyai kepakaran dalam bidang maritim seperti pihak industri (perkapalan/ perikanan/ pelabuhan/ hidrokarbon, minyak dan gas), ahli akademik/penyelidik, pakar perundangan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa. Ini juga bagi memastikan pendekatan yang diambil adalah selaras dengan

kesemua kepentingan negara (*national interest*) dan sejajar dengan norma antarabangsa.

4.2.4 Justeru itu, MKN, JPM berhasrat untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Kerja bagi tujuan pembangunan Pelan termasuk bagi membuat perancangan dan menetapkan hala tuju Pelan tersebut. Jawatankuasa Pemandu ini akan terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian/ Agensi berkaitan dan bertanggungjawab menasihati hal-hal berkaitan dasar dan hala tuju Pelan tersebut. Manakala, Kumpulan Kerja akan dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian/Agensi berkaitan, pakar akademik, institut berkaitan maritim seperti Institut Maritim Malaysia (MIMA) dan lain-lain pihak yang berkaitan mengikut kesesuaian. Tambahan lagi, Kumpulan Kerja ini juga bertanggungjawab dalam melaksanakan semua proses pembangunan Pelan, memastikan pembangunan Pelan dalam tempoh yang ditetapkan dan juga membuat pembentangan bagi mendapatkan pengesahan dan persetujuan Jawatankuasa Pemandu dan Pengurusan Tertinggi Negara. Kumpulan Kerja ini akan diwujudkan dalam masa terdekat dan satu terma rujukan juga akan disediakan bagi menentu hala tuju dan perjalanan Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Kerja tersebut.

4.2.5 Pembangunan Pelan ini dijangka akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua (2) tahun untuk disediakan. Ini berdasarkan pengalaman MKN, JPM dan Kementerian/Agensi yang lain dalam membangunkan sesuatu pelan strategik. Bagi tahun 2022, MKN, JPM bercadang untuk mengadakan sesi libat urus bersama pelbagai

pemegang taruh berkaitan isu berkaitan maritim untuk mendapatkan pandangan dan idea mengenai penyediaan Pelan ini. Beberapa siri libat urus akan diadakan sebelum satu draf atau kerangka awal Pelan ini dapat disediakan.

4.2.6 Dalam memastikan hasrat penyediaan Pelan ini tercapai, MKN, JPM telah menyediakan perancangan pembangunan dan penyediaan dokumen Pelan tersebut secara empat (4) fasa seperti berikut:

a. Fasa 1 (Januari hingga Jun 2022) - Pelaksanaan Fasa 1 ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal, menetapkan hala tuju dan membentuk Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Kerja. Aktiviti-aktiviti di bawah Fasa 1 adalah seperti berikut:

- i. Mesyuarat peringkat MKN, JPM berhubung pelaksanaan Pelan Strategik Keselamatan Maritim 2024-2028 (PSKM 2024-2028) pada 26 April 2022;
- ii. Mesyuarat Inter-Agensi berhubung pelaksanaan PSKM 2024-2028 pada 17 Mei 2022;
- iii. Pelantikan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja pada 25 Mei 2022;
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 8 Jun 2022; dan
- v. Mesyuarat Kumpulan Kerja pada 15 Jun 2022.

b. Fasa 2 (Julai hingga Disember 2022) - Pelaksanaan Fasa 2 ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan idea daripada semua pihak yang merangkumi Kementerian/Agensi dan pemegang taruh yang berkaitan, berhubung kerangka PSKM 2024-

2028. Kerangka tersebut merangkumi bidang keutamaan, nilai teras, hala tuju, cadangan tindakan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti di bawah Fasa 2 adalah seperti berikut:

- i. Sesi libat urus bersama Kementerian/ Agensi;
 - ii. Sesi libat urus bersama pemegang taruh yang berkaitan;
 - iii. Penyediaan dokumentasi PSKM 2024-2028;
 - iv. Penyediaan draf awal PSKM 2024-2028; dan
 - v. Pembentangan draf awal kepada Jawatankuasa Pemandu.
- c. Fasa 3 (Januari hingga Jun 2023) - Pelaksanaan Fasa 3 ini bertujuan untuk membuat semakan dan pemurnian draf akhir PSKM 2024-2028 dan mendapatkan persetujuan dasar di peringkat Jabatan. Aktiviti-aktiviti di bawah Fasa 3 adalah seperti berikut:
- i. Bengkel bagi membincangkan Draft Awal PSKM 2024-2028 Siri 1;
 - ii. Bengkel bagi membincangkan Draft Awal PSKM 2024-2028 Siri 2;
 - iii. Penyediaan draf akhir PSKM 2024-2028; dan
 - iv. Pembentangan draf akhir PSKM 2024-2028 kepada Pengurusan Tertinggi MKN, JPM.
- d. Fasa 4 (Julai hingga Disember 2023) - Pelaksanaan Fasa 4 ini bertujuan untuk mendapatkan punca kuasa yang jelas bagi pelaksanaan PSKM 2024-2028 termasuk mendapatkan *political will* daripada kepimpinan tertinggi negara. Aktiviti-aktiviti di bawah Fasa 4 adalah seperti berikut:

- i. Pembentangan PSKM 2024-2028 di Sidang MKN;
- ii. Penyediaan Memorandum Jemaah Menteri berhubung PSKM 2024-2028;
- iii. Cetakan dokumen PSKM 2024-2028;
- iv. Perasmian PSKM 2024-2028; dan
- v. Pelaksanaan dan pemantauan program di bawah PSKM 2024-2028.

4.2.7 MKN, JPM akan memberikan setinggi-tinggi komitmen untuk memastikan pembangunan Pelan tersebut dapat tercapai bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan maritim negara terus kekal terpelihara.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah dan akan diambil oleh MKN, JPM dalam usaha menyediakan Pelan Induk Strategik Keselamatan Maritim Malaysia. PAC menggesa supaya Jawatankuasa Pemandu yang dicadang untuk diwujudkan bagi tujuan penyediaan pelan tersebut segera ditubuhkan bagi menjalankan fungsi dan peranan seperti yang dirancang.

4.3 Syor 3: NMSPOC haruslah direalisasikan dengan segera supaya maklumat antara kementerian dan agensi Kerajaan dapat diselaraskan dan aktiviti keselamatan serta penguatkuasaan dapat dijalankan dengan koordinasi dan pemantauan yang baik.

Maklum Balas MKN, JPM

4.3.1 Pewujudan NMSPOC ini telah bermula dibincangkan semenjak tahun 2017 menerusi beberapa siri perbincangan inter-agensi. Perbincangan mengenai konsep tersebut diteruskan sekali lagi menerusi Mesyuarat Inter-Agensi Penganjuran ASEAN *Regional Forum (ARF) Workshop on NMSPOC* pada 4 Jun 2018 di KLN dan diikuti dengan satu bengkel NMSPOC yang diadakan pada 6 Jun 2018 juga di KLN. Seterusnya, *2nd ARF Workshop on NMSPOC* telah dianjurkan oleh Malaysia secara bersama dengan Australia dan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dari 27 hingga 29 Ogos 2018. Penganjuran Bengkel peringkat antarabangsa ini telah sedikit sebanyak memberi pendedahan awal kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang terlibat dengan aspek penguatkuasaan maritim mengenai konsep NMSPOC dan mendapat kefahaman yang jelas dan terselaraskan mengenai kerangka kerjasama terutama dari segi dasar, teknikal dan pengoperasiannya.

4.3.2 Namun, keperluan mendesak dalam mengurus dan menangani pandemik COVID-19 telah menyebabkan penangguhan perbincangan lanjut mengenai hala tuju (*way forward*) pewujudan NMSPOC di Malaysia. Seterusnya, bagi menyambung semula perbincangan pewujudan NMSPOC ini, MKN, JPM telah mengadakan tiga (3) siri

Mesyuarat Khas bagi membincangkan pewujudan NMSPOC di Malaysia pada 12 hingga 14 Ogos, 17 September dan 19 Oktober tahun 2020. Berdasarkan siri Mesyuarat Khas yang diadakan ini, antara keputusan penting yang dicapai adalah supaya NMSPOC diletakkan di bawah MKN, JPM bagi antara lain menggunakan Akta MKN 2016 sebagai kerangka perundangan NMSPOC dan satu Memorandum Jemaah Menteri (MJM) perlu disediakan bagi mendapatkan kelulusan dasar daripada Jemaah Menteri berhubung pewujudan NMSPOC di Malaysia.

4.3.3 Dapatan LKAN Tahun 2018 Siri 3 yang dikeluarkan pada 14 Mei 2021 seterusnya turut menyentuh mengenai keperluan pewujudan suatu mekanisme pengumpulan dan penyelarasan maklumat secara berpusat untuk mengkoordinasi operasi penguatkuasaan antara Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Mekanisme ini merupakan fungsi dan tanggungjawab NMSPOC, yang sebelum ini telah dicadangkan oleh pihak MKN, JPM. Justeru itu, MKN, JPM telah mengemukakan maklum balas supaya keperluan untuk pewujudan NMSPOC ini dapat disegerakan oleh Kerajaan bagi menyelesaikan isu penyelarasan maklumat dan koordinasi yang dibangkitkan di dalam LKAN. Seterusnya, apabila PAC Parlimen memutuskan untuk membawa isu dalam dapatan LKAN Tahun 2018 Siri 3 ini ke Prosiding Bil.4(a) 2021 pada 3 Ogos 2021 yang lalu, MKN, JPM telah membentangkan idea pelaksanaan NMSPOC yang turut merangkumi tindakan yang telah diambil bagi merealisasikan pewujudan NMSPOC di Malaysia.

- 4.3.4 Susulan daripada itu, MKN, JPM telah mengadakan satu Mesyuarat Khas bagi membincangkan pewujudan NMSPOC di Malaysia Bilangan 1 Tahun 2021 pada 20 hingga 22 Oktober 2021. Mesyuarat khas ini telah membincangkan dengan lebih lanjut berhubung carta fungsi, struktur organisasi, perjawatan dan implikasi kewangan pewujudan NMSPOC, pewujudan sistem yang mengintegrasikan maklumat/ data yang diperlukan dari agensi berkaitan serta penetapan punca kuasa dan akta-akta berkaitan dalam penugasan NMSPOC.
- 4.3.5 MKN, JPM sedang menyediakan kertas cadangan berhubung pewujudan NMSPOC dengan mengambil kira input daripada siri bengkel/ mesyuarat yang diadakan semenjak tahun 2017 hingga kini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi lagi termasuklah cadangan memperkasakan Pusat Pengurusan Operasi Negara (PPON), MKN, JPM melalui integrasi pelaporan strategik yang terselaraskan dan mantap. Dalam hubungan ini, MKN, JPM akan mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian/ Agensi dan pemegang taruh yang berkaitan sebelum kertas cadangan pewujudan NMSPOC ini diangkat ke Sidang MKN. Berdasarkan keputusan Sidang MKN tersebut, MKN, JPM akan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri yang mana dijangka akan diangkat ke dalam Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum akhir tahun 2022 ini.
- 4.3.6 Dalam hubungan ini, MKN, JPM telah menyediakan jadual penyediaan kertas cadangan pewujudan NMSPOC di Malaysia bagi mendapatkan gambaran keseluruhan tugas yang perlu dilaksanakan dan memastikan setiap sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah dan akan diambil oleh MKN, JPM dalam usaha merealisasikan NMSPOC. Walau bagaimanapun, PAC mendapati proses yang agak perlahan diambil MKN, JPM dalam merealisasikan NMSPOC. Sehubungan itu, MKN, JPM perlu memastikan Memorandum Jemaah Menteri berhubung pewujudan NMSPOC dan setiap aspek mengenainya disediakan dengan segera dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

PAC berpendapat bahawa APMM perlu diberi tanggungjawab sebagai agensi peneraju dalam NMSPOC dan diperkasakan dengan sumber-sumber yang mencukupi.

- 4.4 Syor 4: Penyesuaian sasaran aktiviti pemeriksaan oleh DOF boleh dilaksanakan selagi ia tidak mengkompromikan matlamat penguatkuasaan undang-undang. Penggunaan teknologi terkini seperti dron untuk mengoptimumkan aktiviti pemeriksaan haruslah dilaksanakan.**

Maklum Balas MAFI/ DOF:

- 4.4.1 DOF melaksanakan penguatkuasaan sedia ada melalui aktiviti pemeriksaan vesel, rondaan berkala, operasi terancang dan operasi serta merta. Ianya dilaksanakan supaya aktiviti penangkapan ikan mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Perikanan 1985 yang mana Akta ini berhubung dengan perikanan

termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan.

4.4.2 Berpandukan status aktiviti pemeriksaan dari tahun 2018 hingga 2020 yang didapati tidak mencapai sasaran, kini telah dicapai pada tahun 2021. Sehubungan itu, DOF akan terus mengekalkan sasaran untuk tahun 2022 dan terus komited untuk memastikan sasaran aktiviti pemeriksaan tercapai tertakluk kepada peruntukan mengurus yang tersedia dan keupayaan aset-aset DOF. Aktiviti penguatkuasaan ini menyokong kepada pengeluaran perikanan tangkapan negara yang mana ianya telah menyumbang sebanyak 1.33 tan metrik dengan nilai RM10.8 billion pada tahun 2021 (anggaran).

Jadual 1: Aktiviti pemeriksaan vesel bagi tahun 2018-2021

Tahun	Pemeriksaan Darat		Pemeriksaan Laut	
	Sasaran	Pencapaian (%)	Sasaran	Pencapaian (%)
2018	18000	19708 (109)	3000	2753 (91.7)
2019	18000	17063 (94.8)	3000	2806 (93.5)
2020	18000	15766 (87.6)	3000	2653 (88.4)
2021	18000	18118 (100.6)	3000	3080 (102.6)

4.4.3 Bagi tujuan pemerksaan aktiviti penguatkuasaan di DOF, peruntukan pembangunan RMKe-12 sebanyak RM90 juta telah diluluskan bagi meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di bawah projek *Monitoring, Control and Surveillance* (MCS) yang melibatkan komponen seperti perolehan bot ronda, peningkatan bot dan kapal peronda sedia ada, perolehan peralatan keselamatan dan penguatkuasaan dan lain-lain. Pelaksanaan perolehan ini akan dilaksanakan sepanjang RMKe-12.

**Jadual 2: Peruntukan Projek Perolehan Peralatan Pembangunan
 Monitoring, Control and Surveillance/MCS bagi
 Kelestarian Sumber Perikanan Negara**

Tahun	Peruntukan (RM)	
	Diterima	Belanja
2021	2,198,300.00	2,197,030.00
2022	8,455,000.00	
2023	12,347,000.00	
2024	32,051,000.00	
2025	34,948,700.00	
JUMLAH	90,000,000.00	

**Jadual 3: Skop Projek Perolehan Peralatan Pembangunan Monitoring, Control
 and Surveillance/MCS bagi Kelestarian Sumber Perikanan Negara**

Skop Projek	Anggaran kos (RM)
a. Perolehan kapal / bot penguatkuasaan baharu	67,109,320.00
b. Peningkatan kapal/ bot sedia ada	20,570,700.00
c. Perolehan peralatan penguatkuasaan	726,480.00
d. Menaik taraf peralatan komunikasi radio	1,593,500.00
JUMLAH	90,000,000.00

4.4.4 DOF mengalu-alukan cadangan penggunaan dron oleh PAC yang mana ianya sesuai dilaksanakan untuk pengawasan di darat dan juga di zon Konservasi yang berhampiran di persisir pantai. Dron berteknologi tinggi (UAV - *Unmanned Aerial Vehicle*) yang berupaya mengawasi sehingga melebihi 15 batu nautika dari pantai pula didapati sesuai untuk aktiviti pengawasan vesel penangkapan ikan

terutamanya bagi memantau pencerobohan zon penangkapan ikan. Penggunaan dron UAV ini memerlukan kepakaran diiktiraf dan kumpulan kerja yang dedikasi.

4.4.5 Sedia ada, DOF menggunakan teknologi penjejakan vesel *Vessel Monitoring System (VMS)* dan *Automatic Identification System (AIS)* yang menggunakan gelombang satelit dan radio bagi memantau pergerakan vesel. Sistem di DOF dilengkapi dengan *geofencing* di mana vesel yang menceroboh zon penangkapan ikan dapat dikesan melalui sistem. Melalui pergerakan vesel juga DOF dapat menganalisa corak tingkah laku (*behaviour*) vesel di laut dan memudahkan aktiviti penguatkuasaan dilakukan secara bersasar sekiranya terdapat pergerakan vesel yang mencurigakan. Pemilik vesel juga dapat memantau vesel masing-masing dan dapat membantu mencegah daripada melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

4.4.6 DOF memberi keutamaan untuk menaiktaraf dan menambahbaik penggunaan teknologi sedia ada bagi memastikan penggunaan teknologi penjejakan ini seiring dengan perkembangan teknologi digital semasa.

4.4.7 DOF mengharapkan liputan rangkaian teknologi komunikasi digital yang meluas sehingga menjangkau perairan perikanan negara pada masa akan datang dapat membantu aktiviti penguatkuasaan yang lebih efisien. Liputan telekomunikasi digital yang meluas di perairan negara kelak dapat membantu sistem penjejak AIS mengesan pergerakan vesel yang lebih jauh melebihi 40 batu nautika.

4.4.8 DOF juga melaksanakan program pemantauan vesel melalui udara dengan kerjasama Pasukan Gerakan Udara, PDRM. Program ini dilaksanakan secara bersama dimana pesawat udara PDRM digerakkan bagi memantau vesel di perairan dan maklumat disalurkan kepada pusat tadbir operasi untuk tindakan penguatkuasaan melalui aset DOF di laut. Sistem penjejak vesel VMS/ AIS juga dimanfaatkan dalam program ini di mana sebarang maklumat pergerakan mencurigakan disalurkan kepada pesawat udara untuk pengawasan awal sementara ketibaan aset laut DOF ke lokasi kejadian untuk pemeriksaan dan penguatkuasaan.

Ulasan PAC

PAC secara keseluruhannya berpuas hati terhadap maklumbalas dan penjelasan diberikan DOF. PAC mengambil maklum usaha yang diambil untuk berkolaborasi dengan agensi-agensi lain dalam teknologi terkini khasnya penggunaan dron bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan yang lebih berkesan seterusnya dapat mengurangkan lagi bilangan kes pencerobohan.

4.5 Syor 5: DOF perlu memastikan kelestarian sumber maritim terutama di Zon A untuk memastikan kelangsungan sekuriti makanan negara.

Maklum Balas MAFI/ DOF

4.5.1 Berdasarkan perangkaan perikanan tahun 2021 (anggaran), aktiviti perikanan tangkapan (*capture fisheries*) telah menyumbang


sebanyak 75.9 peratus kepada pengeluaran ikan makan negara iaitu sebanyak 1.33 juta tan metrik dengan nilai RM10.8 billion diikuti oleh aktiviti akuakultur (23.7%) dan perikanan darat (0.3%).

Rajah 1: Profil Perikanan Tahun 2021 (anggaran)



4.5.2 Industri perikanan tangkapan ini disokong oleh seramai 114,749 orang nelayan dengan 48,493 buah vesel berdaftar yang menangkap ikan mengikut zon yang telah ditetapkan. Zon A yang terdiri daripada 40,815 buah vesel dengan 70,272 orang nelayan merupakan penyumbang terbesar pendaratan ikan iaitu sebanyak 463,147.8 tan metrik (34.9%) diikuti oleh Zon C (27.7%), Zon B (25.4%) dan Zon C2 & C3 (12%).

Rajah 2: Profil Perikanan Tangkapan Tahun 2021



4.5.3 Secara amnya, Zon A merupakan perairan 0 hingga 5 batu nautika yang dikhususkan untuk aktiviti perikanan tradisional di mana hanya vesel kurang daripada 40 GRT yang menggunakan peralatan tradisional dibenarkan menangkap ikan di Zon ini dan ianya hanya boleh diusahakan oleh nelayan tempatan sahaja. Zon A bagi perairan negeri Kedah, Perak dan Selangor di pantai Barat Semenanjung pula bermula dari 1 hingga 8 batu nautika. Ini adalah kerana 0 hingga 1 batu nautika telah ditetapkan sebagai Zon Konservasi di mana ianya hanya dibenarkan untuk aktiviti akuakultur, kerang dan penglibatan komuniti nelayan. Kawasan ini merupakan tempat pembiakan ikan secara semula jadi dan perlu dipelihara untuk membantu sumber perikanan yang berterusan.

Rajah 3: Sistem Pengezonan Kawasan Penangkapan Ikan



4.5.4 Bagi melindungi sumber di kawasan perairan pantai Zon A, aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan memberi fokus kepada kesalahan pencerobohan zon penangkapan ikan, penggunaan bubu naga dan rawa surong yang mana ia merupakan kesalahan yang memberi

kesan secara langsung ke atas sumber di Zon A. Bubu naga merupakan peralatan menangkap ikan yang efisien di mana ianya tidak selektif dan sangat efektif untuk menangkap pelbagai jenis ikan dan udang di perairan pantai yang merupakan kawasan pembiakan ikan. Rawa surong pula merupakan kaedah menangkap ikan secara tujahan di sepanjang dasar laut dengan menggunakan bot berjentera yang mana kaedah ini merosakkan permukaan dasar laut yang juga merupakan tempat pembiakan ikan. Pencerobohan zon menangkap ikan oleh vesel komersil pula mengaut sumber yang tersedia untuk nelayan Zon A yang kebanyakannya nelayan tradisional.

Rajah 4: Pengezonan Kawasan Penangkapan Ikan di Pantai Barat Semenanjung




4.5.5 Berpandukan kepada rekod kesalahan, ketiga-tiga kesalahan ini merupakan kesalahan yang tinggi direkodkan sepanjang 2018 hingga 2021 namun begitu DOF mendapati berlaku sedikit penurunan bagi kes kesalahan-kesalahan ini yang mungkin disebabkan oleh

peningkatan aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan. Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 yang dilaksanakan oleh DOF adalah bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan melindungi sumber dan bukannya bersifat punitif semata-mata.

Rajah 5: Pecahan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (2018-2021)



Rajah 6: Trend Kesalahan Ceroboh Zon dan Penggunaan Peralatan/Pukat Dilarang



4.5.6 Kesedaran dalam melestarikan sumber perikanan juga turut melibatkan kumpulan sasar melalui program Ketua Jaringan Perikanan (KJP) iaitu dengan melantik individu yang mendapat

kepercayaan oleh komuniti nelayan setempat sebagai orang perantara di antara DOF dengan komuniti perikanan serta membantu dalam sistem perkhidmatan penyampaian DOF. Misi KJP adalah untuk melahirkan perantara daripada kumpulan sasar yang mampu bekerjasama sebagai agen penyampai maklumat dan penghubung antara kumpulan sasar dan DOF di lapangan. Program ini berbentuk sukarela dan pelantikan adalah untuk tempoh tiga (3) tahun. Sehingga 2021, seramai 1,011 orang nelayan yang mewakili pangkalan masing-masing telah dilantik di seluruh negara. Persatuan Nelayan Kebangsaan yang ditubuhkan dibawah akta 44 turut sentiasa dari masa kesemasa menyalurkan maklumat pelanggaran Akta Perikanan 1985 di kawasan Zon A kepada agensi-agensi penguat kuasa bagi menjamin keselamatan dan kelestarian sumber di kawasan penangkapan ikan.

- 4.5.7 Selain melalui aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi menyokong kepada kelestarian sumber, penyediaan kawasan Marine Protected Area (MPA), pewartaan pulau-pulau Taman Laut dan kawasan refugia dapat menyediakan habitat yang selamat untuk pembiakan hidupan marin tanpa gangguan aktiviti penangkapan ikan. MPA merupakan komitmen negara di bawah *Sustainable Development Goals* (SDG) 14 bagi melihara sekurang-kurangnya 10 peratus kawasan pantai dan marin dan Malaysia telah mencapai 5.3 peratus kawasan perairan sebagai MPA. Sedia ada, sebanyak 42 buah pulau telah diwartakan sebagai Taman Laut dan DOF sedang dalam cadangan untuk tambahan dua (2) buah pulau Taman Laut baharu masing-masing di Melaka (gugusan Pulau Undan) dan Perak (Pulau Sembilan). DOF juga telah menubuhkan 2 kawasan

refugia bagi udang kara dan udang harimau masing-masing di Tg. Leman, Johor dan Miri, Sarawak.

4.5.8 DOF juga telah melabuhkan tukun-tukun tiruan di perairan negara termasuk Sarawak dan Sabah bertujuan bagi menyediakan habitat pembiakan ikan. Sepanjang tahun 2016 sehingga 2021, DOF telah melabuhkan sebanyak 1,641 unit tukun tiruan.

4.5.9 DOF telah mengambil tindakan dengan membuat pindaan Akta Perikanan (2019) dan telah diwartakan pada 30 September 2019, dengan meningkatkan kadar denda sebagai langkah pencegahan bagi membanteras pencerobohan vesel-vesel penangkapan ikan asing agar dapat melindungi sumber perikanan yang terancam.

Jadual 4: Bilangan Tukun Tiruan yang Dilabuh Sepanjang 2016-2021

Bil.	Negeri	Bilangan Tukun Tiruan (Unit)
1.	Johor	71
2.	Kedah	85
3.	Kelantan	55
4.	Melaka	14
5.	Negeri Sembilan	45
6.	Pahang	99
7.	Perak	28
8.	Perlis	33
9.	Pulau Pinang	51
10.	Terengganu	215
11.	Sabah	270
12.	Sarawak	556
13.	Selangor	47
14.	Wilayah Persekutuan Labuan	72
	JUMLAH	1,641

Ulasan PAC

PAC secara keseluruhannya berpuas hati terhadap maklumbalas dan penjelasan MAFI/DOF bagi syor ini. MAFI melalui DOF perlu meneruskan aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan terutamanya di kawasan perlindungan marin (*Marine Protected Area-MPA*) bagi menjamin keselamatan dan kelestarian sumber khususnya di Zon A.

5 PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen (DR. 18/ 2021) selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14